



28 MAR, 2023

Lelaki ditahan simpan rokok seludup setengah juta ringgit dalam rumah, stor

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



WAN JAMAL ABDUL SALAM (dua dari kiri) menunjukkan rokok yang dirampas dalam serbuan di sebuah rumah dan stor di Kuala Krai pada minggu lalu.

Lelaki ditahan simpan rokok seludup setengah juta ringgit dalam rumah, stor

RANTAU PANJANG – Seorang lelaki ditahan selepas dipercayai terlibat dalam kegiatan menyeludup 441,120 batang rokok pelbagai jenama bernilai RM541,749 termasuk cukai dalam serbuan di sebuah rumah dan stor di Kuala Krai dekat sini, minggu lalu.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, pasukannya telah membuat intipan sebelum men-

jalankan serbuan di kedua-dua lokasi kira-kira pukul 11 pagi pada 20 Mac lalu.

Menurutnya, pemeriksaan di dalam rumah dan stor berhampiran kediaman itu menemui kesemua rokok seludup.

"Suspek berusia dalam lingkungan 40-an yang dipercayai pemilik rumah itu ditahan untuk siasatan lanjut.

"Selain rokok, dua buah kereta yang berada di rumah itu turut

disita," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Penguat Kuasa JKDM Rantau Panjang di sini semalam.

Kata beliau, kesemua rokok-rokok tersebut disyaki dibawa dari sebuah negeri di Selatan tanah air sebelum ia disimpan di rumah tersebut untuk pasaran di Kelantan.

Kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967.



28 MAR, 2023

Lelaki ditahan simpan rokok seludup setengah juta ringgit dalam rumah, stor

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

RANTAU PANJANG - Seorang lelaki ditahan selepas dipercayai terlibat dalam kegiatan menyeludup 441,120 batang rokok pelbagai jenama bernilai RM541.749 termasuk cukai dalam serbuan di sebuah rumah dan stor di Kuala Krai dekat sini, minggu lalu. Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, Wan Jamal Abdul Salam Wan Long berkata, pasukannya telah membuat intipan sebelum menjalankan

serbuan di kedua-dua lokasi kira-kira pukul 11 pagi pada 20 Mac lalu.